

BERITA HARIAN

## Melayu akan diperalat jika Anwar jadi PM

**G**EORGETOWN: Orang Melayu akan diperalat bangsa asing terutama golongan Yahudi jika Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, orang Eropah dan Yahudi percaya Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu akan menjadi Perdana Menteri Malaysia, tidak lama lagi.

"Jadi, kita tahu orang Yahudi dan Eropah percaya Anwar akan jadi Perdana Menteri tak lama lagi, (jadi) bolehlah cucuk hidung, nak heret ke mana-mana.

"Kalau orang Melayu hendak diheret ke sana sini oleh orang asing, sila pilih orang itu. Memang Yahudi nak dia (Anwar). Saya fikir kalau dia jadi Perdana Menteri Israel, baguslah," katanya menjawab soalan peserta yang menghadiri Mesyuarat Agung Persatuan Melayu Tanjong (Permata) Ke-7 di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan mesyuarat agung itu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan seorang peserta yang mendakwa laporan media Israel, *Jerusalem Post* menamakan Anwar sebagai bakal Perdana Menteri Malaysia.

Sambil menyindir semua orang patut suka kepada Anwar, beliau berkata, Anwar banyak kali memburuk-burukkan namanya di seluruh dunia" sebagai propaganda politiknya.

Pada sidang medianya selepas itu, Dr Mahathir menyangkal dakwaan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, syarat kuota pencalonan untuk bertanding dalam pemilihan Umno diperkenalkan beliau untuk keDentinqan neribadinva.

Beliau berkata, pencalonan disyaratkan bagi memastikan pertandingan peringkat tertinggi dibuat secara serius, sekali gus mengelak peristiwa Sulaiman Palestin, berulang.

"Kita buat semua itu, sebab tidak mahu ada macarm Sulaimen Palestin. Dia bukan ada sokongan sangat tapi bertanding (jawatan Presiden parti)," katanya.

Dr Mahathir juga menggesa kepimpinan Umno sekarang supaya tidak menyekat pencalonan Umno Bahagian untuk pertandingan bagi jawatan tertinggi.